

Kejayaan dicapai tidak semestinya ditentukan latar belakang kehidupan yang baik

NST 10/09/2011 2

KOTA KINABALU: Kejayaan yang dicapai tidak semestinya ditentukan oleh latar belakang kehidupan yang baik, sebaliknya kejayaan itu terletak pada usaha sendiri, kata Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh.

Beliau berkata, ini kerana kebanyakan daripada orang yang berjaya, datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

"Oleh itu para pelajar yang datang dari keluarga kurang berada, tidak semestinya tidak mampu mencapai kejayaan.

"Masa depan yang baik, boleh dimiliki oleh setiap orang tanpa mengira latar belakang keluarga. Seseorang itu boleh berjaya sekiranya ada usaha ber-sungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Lafaz Ikrar & Aku Janji Siswa Siswi Baharu UMS, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu dihadiri oleh Ketua Menteri yang juga Pro Canselor UMS Datuk Seri Musa Haji Aman, Ketua Pengarah Pengajian Tinggi Prof Datuk Dr.Rujhan

Mustafa, Naib Canselor UMS Prof.Datuk Dr.Kamaruzaman Haji Ampon dan ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS.

Abdul Hamid turut menyeru para pelajar supaya berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan penguasaan dalam bidang pengajian masing-masing bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan seterusnya mencipta pekerjaan apabila selesai pengajian kelak.

"Dengan kemampuan mencipta pekerjaan sendiri, anda tidak perlu bergantung harap, untuk mencari pekerjaan bagi mendapatkan gaji," katanya.

Selain itu katanya, para pelajar juga perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik kerana banyak komunikasi terutamanya yang melibatkan urusan antarabangsa menggunakan bahasa Inggeris.

"Justeru, tanpa mengetepikan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, para pelajar perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

"Anda boleh melakukannya di UMS, kerana program universiti ini disusun dengan mengambil kira keperluan pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris," katanya.

Di samping itu katanya, para pelajar juga perlu memperbanyakkan pembacaan buku-buku dalam bahasa Inggeris, baik yang diterbitkan dalam negara mahupun luar negara.

Abdul Hamid berkata, ini kerana penguasaan bahasa Inggeris yang baik akan memudahkan para pelajar mengendalikan urusan di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

"Selalunya wakil negara yang mendapat perhatian dari anggota-anggota delegasi pelbagai negara ialah negara yang mahir menggunakan bahasa Inggeris.

"Oleh itu apabila anda mewakili Malaysia kelak dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik, anda mempunyai kelebihan untuk mengendalikan urusan negara yang berkaitan dengan jalinan kerjasama negara-negara lain di samping memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menjadi peneraju dalam bidang-bidang yang penuh persaingan, seperti pembentukan dasar global dan penyusunan ekonomi dunia," katanya.
-OLEH MARRYAN RAZAN (marr-ryan@newsabhahtimes.com.my)